

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
(DUNGUN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.12.2015**

**Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sumber perolehan dan aktiviti pelaburan 1MDB bermula awal penubuhan sehingga Ogos 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah terperinci sumber perolehan dan aktiviti pelaburan yang dibuat oleh 1MDB ada dinyatakan di dalam Penyata Kewangan 1MDB yang telah

diaudit sejak 2009 dan telah difailkan setiap tahun di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Maklumat terperinci Penyata Kewangan 1MDB tersebut boleh dimuat-turun di laman web SSM.

Tuan Yang Dipertua,

Maklumat mengenai sumber perolehan dan aktiviti pelaburan 1MDB selepas tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 masih belum diaudit dan menjadi amalan bagi mana-mana syarikat untuk mengemukakan perincian yang telah diaudit sahaja kepada umum agar maklumat yang diberikan adalah tepat, terperinci dan disahkan oleh juruaudit.